

Patuhi syarat kebersihan, waktu perniagaan

MAJLIS Perbandaran Kuantan (MPK) mengingatkan penganjur dan peniaga di bazar Ramadan di daerah ini supaya mematuhi syarat ditetapkan oleh jabatannya dari aspek kebersihan dan waktu perniagaan.

Yang Dipertua MPK, Datuk Fadzilla Salleh berkata, pihaknya tegas memantau peniaga beroperasi awal iaitu sebelum jam 3 petang seperti yang tahun lalu.

“Pihak kami juga tak benarkan sebarang pertukaran hak milik iaitu beri sewa kepada individu lain untuk cari keuntungan mudah. Bermula 1 Ramadan, pegawai penguat kuasa akan buat pemantauan untuk memastikan tiada kes pertukaran permit oleh penganjur,” katanya.

6/6/2017.
Sinar Harian